

Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH HARI MINGGU PASKAH KE-6

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

Keluarga Yang dikuasakan Dalam Kristus...

UNTUK MENYAYANGI ORANG LAIN



Perasaan kasih sayang kita yang pertama berasal daripada keluarga kita. Biasanya, jalinan yang erat adalah lebih jelas dan tersurat dalam sebuah keluarga jika dibandingkan dengan kumpulan-kumpulan yang lain. Namun, pada masa kini, seolah-olah, generasi moden kurang memberikan kepentingan kepada jalinan keluarga. Ini boleh disaksikan menerusi kes-kes pengabaian ahli keluarga yang tua and uzur oleh ahli-ahli keluarga mereka sendiri.

la adalah lebih sukar mengasihi mereka yang berada di sisi kita jika dibandingkan dengan mereka yang jauh. Bawalah kasih sayang balik ke rumah anda, kerana di sinilah kasih sayang di antara satu sama lain bermula.

- Santa Teresa dari Kalkuta

Adakah gaya hidup zaman moden tidak serasi dengan tuntutan-tuntutan jaringan keluarga? Atau kepentingan keluarga sudah mengalami perubahan di mana tumpuan kita hanya terhad kepada keperluan diri sendiri? Adakah kita merasai keperluan keluarga sendiri lebih penting daripada keperluan struktur komuniti gereja? Adakah itu sebabnya pengurangan penyertaan didalam komuniti BEC pada masa kini? Dan adakah ia menjadi suatu realiti bahawa semangat berkomuniti sedang menuju ke arah kemusnahan di depan mata kita?

Jika kita sedia untuk menerima akibat-akibat kemerosotan didalam keluarga dan masyarakat, termasuk tanda-tanda penderitaan yang berpunca daripadanya, terutamanya kes-kes perpecahan dalam keluarga, budaya kontraseptif yang berleluasa, peningkatan kes-kes keganasan dalam rumah tangga, peningkatan jumlah keluarga ibu bapa tunggal, kita haruslah peka kepada gejala-gejala ini, dan berbangkit daripada sikap "tidak-apa" dan "jaga kain sendiri" bahawa ia bukan masalah kita. Justeru itu, kita haruslah menilai diri sendiri akan fenomena ini. Misalnya, kita mesti bertanya tentang kekerapan lawatan yang kita lakukan kepada ibu bapa, adik beradik atau saudara-mara kita sendiri. Jika dibandingkan dengan kekerapan lawatan mingguan kita ke pusat-pusat membeli-belah yang berkembang pesat di negara kita.

Kita harus mengutamakan arahan Kristus supaya kita tidak terlalu memberi kepentingan kepada diri sendiri: "Inilah perintahKu, iaitu supaya kamu saling mengasihi, seperti Tuhan telah mengasihi kamu" (Yohanes 15:12). Iaitu, kita haruslah menumpukan perhatian pada orang lain dan bukan diri sendiri sahaja. Struktur Gereja bermula dari unit asas yang paling kecil - iaitu keluarga - dan unit-unit keluarga tersebut dijaringan oleh Roh Kudus menjadi Gereja. Kajian sosial telah membuktikan kesan penyembuhan apabila seseorang dikaitkan dengan cinta kasih komune dan keimanan yang berasal daripada komuniti gereja. **Keimanan Kristian menyarankan kita untuk mengasihi satu sama lain**, bukan sahaja mereka yang mengasihi kita kembali. Inilah kecintaan Kristian yang telah diajar oleh Yesus. Tuhan telah memilih kita, dan cinta Tuhan mendedahkan kepada kita akan keindahan dan kekuatan cinta-Nya apabila kita memberikan cinta kasih kepada orang lain. Selagi kita tidak berbuat sedemikian, kita akan sentiasa terperangkap dalam fenomena individualisme dan penderitaan kita sendiri. †

Perkataan
mingguan

Keimanan Kristian
menyarankan kita
untuk mengasihi
satu sama lain

Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH HARI MINGGU PASKAH KE-7

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

Keluarga Yang dikuasakan Dalam Kristus...

Untuk Misi

Yesus memanggil kita untuk mengikuti-Nya, menyebarkan cinta dan mesej-Nya kepada seluruh pelusuk dunia, iaitu kepada semua orang mahupun di bandar-bandar, kawasan kejiranan dan termasuk keluarga kita sendiri. Untuk misi ini, Yesus menguduskan kita sambil kita belajar menanggung salib-Nya dengan kuasa dan cinta-Nya. Ia adalah satu misi yang mendekatkan kita kepada-Nya, baik sebagai individu mahupun sebuah keluarga – seperti sahaja kita menerima cinta daripada Trinitas Ilahi.



Cinta itu tidak buta; sebaliknya kebutaan itu kerana ketiadaan cinta.

Cinta itu mengikatkan; dan kebutaan itu berkurangan dengan peningkatan perikatan.

- G.K. Chesterton
(Penulis Inggeris & ahli teologi awam)

Kita mengerti bahawa cinta itu bukan sahaja menyatukan Mereka, malah ia menyatukan kita juga. Hakikatnya, Kenaikan Tuhan telah membebaskan kita supaya menjadi seorang Kristian, seseorang yang menaruh harapan meskipun dunia ini dilanda pelbagai masalah. Pada masa yang sama, kita berasa penuh harapan sambil **Yesus Ilahi mengambil kedudukan yang terpenting di dalam kehidupan kita**, sebagaimana yang dilakukan-Nya dalam dunia.

Dalam situasi politik dan ekonomi yang kurang menentu, kita sebagai sebuah keluarga sentiasa terdedah dengan persoalan-persoalan dalam perbalahan agama dan penganiayaan kaum; kita bimbang akan masa depan untuk diri sendiri dan anak-anak kita; kita takut akan negara Malaysia yang kita kenali dan sayangi sepanjang hidup kita akan menjadi negara yang tidak lagi mengamalkan sikap toleransi diantara agama. Kita kluatir bahawa negara kita mungkin akan menjadi sebuah negara yang tidak lagi dikaitkan dengan nilai-nilai yang termaktub dalam perlembagaannya.

Pada masa ini, kita menaruh harapan kepada Yesus yang berdoa kepada Bapa di Syurga (Yohanes 17) supaya melindungi dan membimbing kita, dan telah mengamanahkan kita kepada kasih sayang Bapa-Nya, sepertimana ibu bapa dan penjaga berdoa untuk kanak-kanak mereka dan mempercayai akan keselamatan mereka di tangan Yesus dan Bapa di Syurga sambil meluangkan masa membimbing mereka dalam kehidupan dan keimanan. Yesus berdoa agar kita dilindungi daripada "yang jahat". Tetapi, ini tidak bermakna tidak wujudnya masalah atau cabaran dalam kehidupan kita. Yesus, sebagaimana ibu-bapa lakukan untuk anak-anak mereka, membimbing dan menemani kita ketika kita berkembang dalam keimanan dan kehidupan, meyakinkan kita bahawa dengan Kenaikan-Nya, tiada halangan yang boleh memisahkan kita daripada cinta-Nya.

Dalam kehidupan seharian, ketika kita bersandar dan berdoa kepada Yesus untuk perlindungan-Nya, kita juga memperoleh keakraban dengan Tuhan. Pada masa yang sama, apabila ahli-ahli dalam komuniti kita berdoa untuk keakraban dengan Tuhan, kita mencapai keakraban dengan mereka juga. Justeru itu, kita tidak lagi hidup berasingan sebagai keluarga individu, tetapi sebagai suatu keluarga yang berpusatkan Kristus, keluarga yang dikasihi Kristus, dan paling pentingnya, Kristus berada di kalangan kita sebagaimana kita bersatu dalam Dia. †

Perkataan
mingguan

Yesus Ilahi mengambil kedudukan yang terpenting di dalam kehidupan kita.



Di mana jiwa
adalah nyawa
kepada tubuh,
maka Roh
Kudus adalah
nyawa kepada
jiwa kita.

- Santo Petrus Damianus

Perkataan
mingguan

Tuhan itu hanya
ada satu sahaja, dan
kita bukan tuhan.

cabaran-cabaran dalam keluarga kita, sama ada tragedi atau kekacauan, mengalami akan pernafasan seperti ini? Ia itu, pernafasan yang menyambut dan membawa harapan kepada kita dan memperingatkan bahawa kita tidak ditinggalkan dan bahawa Tuhan memenuhi janji-Nya.

Tuhan bukan sahaja tidak meninggalkan murid-murid-Nya, malah kita menyaksikan bagaimana Kristus menghembuskan pernafasan kegembiraan-Nya kepada mereka, sambil menguatkan mereka dengan misi. Misi ini adalah satu serampang dua mata yang bukan sahaja misi-Nya, malah ia merupakan satu hadiah kepada mereka untuk memenuhi misi mereka; dua-duanya menjadi suatu misi yang sama. Dengan memenuhi misi mereka dalam kehidupan yang baru ini, murid-murid-Nya didorong oleh tujuan dan diperkuatkan jiwa mereka.

Begitu juga pada saat-saat kegelapan dan keresahan dimana kita juga kadang-kadang berputus asa kerana ketakutan dan menyembunyikan diri sendiri. Kita bersembunyi di sebalik kelemahan dan kekurangan kita sendiri. Kita juga bersembunyi di sebalik dosa dan penderitaan kita. Kadang-kala, kita mengambil jalan keluar melalui minuman keras dan tabiat perjudian. Tabiat-tabiat buruk ini menjadi tempat perlindungan dan harapan kita. Kemudian, kita memutar-belitkan kepercayaan kita dan mencari alasan bahawa Tuhan sepatutnya memberikan kehidupan yang selesa dan bebas daripada sebarang masalah.

Apabila kita mengharapkan Allah Bapa kita untuk melakukan sesuatu berdasarkan kehendak kita, tindakan ini seolah-olah menjadikan diri kita sebagai tuhan. Ia melemahkan kita menjadi golongan yang tidak berharapan. Sebaliknya, kita harus menyerahkan diri kita kepada-Nya. Sudah berapa kali kita dipanggil oleh Yesus yang memulih semula kehidupan kita dari kesakitan, perjuangan dan ketagihan melalui penafasan-Nya. Sekarang adalah masanya bagi kita untuk menyerahkan segala-galanya kepada Dia dan membenarkan Dia untuk membangkitkan kita semula. **Tuhan itu hanya ada satu sahaja, dan kita bukan tuhan.** Walaupun demikian, kita masih dicintai-Nya kerana Dia memberi jaminan kepada kita bahawa Dia tidak akan meninggalkan kita. Kita hanya perlu menyerahkan kekuatan kita kepada-Nya, dan Dia akan membebaskan kita (1 Petrus 5: 7). Itu menjadi misi kita dan keluarga kita - untuk membangkit sebagai murid-murid-Nya dan memenuhi misi kita. Maka tentunya, kedamaian akan berada pada kita. †

Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH HARI MINGGU PENTACOSTA
MENJADI MURID - MURID HARAPAN



Keluarga Yang dikuasakan Dalam Kristus...

Diberikan Kebebasan

"Damai bagimu" - kata-kata Yesus ini semasa bersalam murid-murid-Nya yang bersembunyi dalam ketakutan, seumpama pernafasan udara yang segar dan membawa harapan dan menerangi kegelapan kehidupan mereka. Kata-kata ini bukan sahaja membawa harapan malah diiringi kegembiraan dan menjadi seolah-olah permulaan suatu kehidupan yang baru. Pernahkah kita, semasa menghadapi

Keimanan
umat-umat
Kristian
tertakluk
kepada
Trinitas.

- Santo Caesarius dari Arles

misteri ini kepada orang lain. Pengenalan kepada Tuhan dalam serpihan pada masa lampau yang didedahkan sepenuhnya dalam Yesus Kristus (KGK 65) telah meningkatkan keakraban kita dengan-Nya, apabila deria-deria kita mengenali sentuhan tangan-Nya pada kehidupan kita, wajah-Nya yang melegakan kesengsaraan jiwa kita, dan yang paling penting, hati-Nya yang telah menyelamatkan kita. Dengan mengenali-Nya, perjalanan yang dibentangkan di hadapan kita menjadi jelas dan kehidupan kita menjadi bermakna.

Matlamat utama bagi diri kita, seperti yang diajarkan dalam keimanan kita, **adalah mengembali kepada-Nya, dan bersemuka dengan-Nya** sebagaimana dicerminkan oleh Santo Paulus (1 Kor 13:12). Santo Paulus menggambarkan saat-saat ketika kehendak dan jiwa kita mencerminkan Tuhan adalah semasa kita menjejaki jalan ke Ilahi. Sintesis kehidupan kita dan keajaiban Ilahi yang menggambarkan kita ini adalah rahmat Roh Kudus yang memberi kita kekuatan untuk menghadapi kegelapan ketika kita melalui perjalanan itu.

Setelah dikuatkan, tumpuan dituju kepada kelakuan kita, terutamanya kasih sayang dan tindakan kita - adakah ia selalu mencerminkan Ilahi, iaitu Kristus yang berada di dalam kita? Sejauh manakah kita telah menjauhkan diri dari Kristus? Dia yang menjadi pusat serta sumber kekuatan dan cinta dalam kehidupan kita. Dan berapa kali sudah kita menjauhkan diri dari-Nya? Refleksi Tuhan dalam diri kita menjadi semakin redup setiap kali kita enggan bertindak dan memberikan kasih sayang seperti-Nya. Setelah begitu banyak rahmat-rahmat dan mujizat-mujizat yang telah diberikan-Nya kepada kita, adakah kita mengenang jasa Yesus terhadap semua yang dilakukan-Nya, dan adakah kita mengakui kurniaan-Nya dan membalas balik dengan satu-satunya cara yang telah Dia ajarkan kepada kita - cintakan jiranmu sebagaimana kamu mencintai diri sendiri?

Perjalanan ke arah Tuhan adalah satu perjalanan bersama dengan Trinitas Suci. Hanya melalui Mereka, kita boleh mengenali diri kita sendiri, dan hanya dengan Mereka, kita boleh menjadi yang terbaik seperti yang Dia inginkan daripada kita, apabila kita menjadi Satu dengan Dia. Jadi dengan pembentangan perjalanan itu di depan kita, marilah kita berjalan di dalam cahaya Kristus, dan lebih penting lagi mengundang orang lain ke perjalanan yang sama. †

Perkataan
mingguan

Matlamat utama bagi diri
kita adalah mengembali
kepada-Nya, dan
bersemuka dengan-Nya.

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

HARI MINGGU TRINITAS

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

Keluarga Yang Dikuasakan Dalam Kristus... Untuk Bersemuka Dengan-Nya

"Baiklah Kita menjadikan manusia menurut gambar dan rupa Kita" (Kejadian 1:26). Kedua-dua istilah majmuk "Kita" memberikan gambaran bahawa Ilahi bukan entiti tunggal, tetapi telah membongkar rahsia kepada misteri Trinitas Suci. Walaupun demikian, para katekis pada hari ini masih menghadapi kesukaran dalam menyampaikan pengertian

